

# Mega

UTUSAN MALAYSIA

W  
I  
R  
A

LIZA HANIM  
GUNAKAN  
PELUANG  
»21

## MENGGIGIL POTONG MAYAT



RAMLI  
HARUN

Oleh FARABI SAID  
AL JABRI  
pengarang@  
utusan.com.my



“M<sup>A</sup>CAM mana tuan? Nak ‘potong’ atau tidak sebab rasuk bangunan terlalu besar untuk kita angkat.”

Soalan daripada seorang anggota pasukan Unit Anjing Pengesan (K9) Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang turut serta dalam operasi mengeluarkan mayat mangsa tersepit dalam runtuhannya di Petaling Jaya, Selangor menyebabkan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Damasara, Selangor, **Ramli Harun** terpaksa berfikir sebelum membuat keputusan.

Dalam kejadian kira-kira pukul 5 petang pada 28 Mei 2009 itu, empat daripada enam tingkat bangunan yang dalam proses untuk diubah suai runtuh secara tiba-tiba menyebabkan lapan pekerja warga asing tertimbus. “Baiklah, kita potong sahaja

mayat ini, susah kita hendak angkat rasuk ini sebab kita tidak pilihan lain,” akhirnya beliau menjawab sambil menghela nafas panjang.

Ramli, 50, yang kini menjawat jawatan Timbalan Penguasa Bomba kemudian bersama-sama memotong mayat warga asing yang penyek dihempap blok rasuk bangunan berkenaan.

Jelasnya, hanya bahagian atas badan pekerja warga asing itu sahaja ditemukan sementara pinggul hingga ke kaki dihempap rasuk bangunan tersebut.

“Proses memotong mengambil masa beberapa minit sebelum bahagian yang dipotong dapat dikeluarkan dari runtuhannya tersebut sebelum diserahkan kepada pihak hospital.


“Orang awam perlu tahu, kita bukan sesuka hati memotong mayat tanpa memikirkan soal ihsan tetapi dalam situasi genting matlamat utamanya mangsa dapat dikeluarkan dengan segera

kerana runtuhannya susulan boleh berlaku bila-bila masa,” katanya ketika ditemui *Mega Wira* di pejabatnya, baru-baru ini.

Untuk rekod bangunan tersebut mula dibuka pada tahun 1974 di Jalan Semangat, Seksyen 14 dan ditutup beberapa bulan sebelum itu bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf.

Berasal dari Kota Bharu, Kelantan, Ramli yang merupakan anak bongsu daripada lapan orang adik beradik menyertai pasukan penyelamat itu pada tahun 1989 sebelum ditempatkan di beberapa lokasi di sekitar Kelantan dan Selangor.

Sepanjang berkhidmat dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) beliau pernah mengendalikan dan terlibat secara langsung dengan beberapa kes penting antaranya Op Jerebu pada 1998 dan tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Kelang, Selangor.



RAMLI HARUN (bertopi oren) ketika menjalankan kerja-kerja mencari mangsa dalam tragedi runtuhannya di Seksyen 14, Petaling Jaya.

Mengimbas pengalamannya mengendalikan kes tanah runtuh di Bukit Antarabangsa pada 6 Disember 2008, Ramli menceritakan bagaimana beliau bersama anggotanya bertungkus lumus mengeluarkan mayat seorang pembantu rumah warga Indonesia yang terperangkap dalam runtuhannya rumah banglo milik seorang kenamaan.

“Dalam kes ini, mencari mangsa yang terperangkap dalam runtuhannya itu bukan mudah kerana kita berdepan dengan struktur tanah yang tidak stabil, tersilap langkah nyawa pasukan pula dalam keadaan bahaya.

“Jadi kita terpaksa menggunakan kayu untuk memastikan setiap langkah di lokasi kejadian adalah selamat. Walaupun mengambil masa namun keutamaan adalah memastikan misi berjaya dan anggota dapat melaksanakan tugas dengan sempurna serta selamat,” jelasnya.